

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**KETUA PEGAWAI IMIGRESEN (C.3-4 EB.5)
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.



**KETUA PEGAWAI IMIGRESEN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai Pegawai Imigresen Kanan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Hendaklah mempunyai pemahaman yang baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan-Peraturan Pasport, Peraturan-Peraturan Visa, Akta Penyalahgunaan Dadah, Kanun Jenayah (*Penal Code*), Kanun Peraturan Jenayah (*C.P.C*) dan lain-lain peraturan yang ada kaitannya dengan tugas-tugas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terhadap perkara yang berhubungkait dengan tugas-tugas yang diamanahkan termasuklah arahan-arahan yang diberikan dari semasa ke semasa;
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Imigresen Kanan yang mengetuai Bahagian-Bahagian di mana ia ditugaskan;
3. Membantu Ketua Pegawai Imigresen Kanan dalam hal Pentadbiran Kakitangan dan dalam membuat perancangan bagi sesuatu bahagian yang bertanggungjawab;



4. Bertanggungjawab terhadap pos-pos Kawalan Pegawai-Pegawai yang berada di bawah jagaannya jika ianya ditugaskan di Pos Kawalan;
5. Memastikan peralatan-peralatan Jabatan atau Bahagian dimana ianya ditugaskan mencukupi dan dalam berkeadaan baik; dan
6. Memastikan kerja-kerja yang diamanahkan dilaksanakan dan selesai mengikut masa yang telah ditetapkan.